

SOALAN NO: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 31 MAC 2015

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah keberkesanan PLWS terhadap syarikat dan Negara.

PR-1331-L66908

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, pertumbuhan ekonomi negara dan taraf hidup rakyat sesebuah negara sangat dipengaruhi oleh faktor produktiviti dan prestasi ekonomi. *Productivity Linked Wage System (PLWS)* bertindak sebagai pemangkin kepada peningkatan produktiviti negara kerana sistem ini menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan seterusnya membantu Malaysia mencapai status negara maju dan

berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Justeru itu, kerajaan telah memperkenalkan Sistem Upah Yang Dikaitkan dengan Produktiviti atau *Productivity Linked Wages System (PLWS)* ini semenjak tahun 1996 lagi. Secara umumnya, PLWS memberi faedah kepada semua pihak iaitu pendapatan yang lebih tinggi kepada pekerja, peningkatan produktiviti dan prestasi syarikat akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Di antara faedah-faedah pelaksanaan *PLWS* kepada pihak majikan adalah seperti berikut:-

- a. Menjamin peningkatan produktiviti dan keuntungan ;
- b. Mempertingkatkan daya saing sesebuah syarikat;
- c. Membolehkan syarikat menyelaras polisi mengikut suasana ekonomi semasa;
- d. Memperbaiki pengkhususan kerja mengikut kemahiran dan meningkatkan kerjaya para pekerja;
- e. Mempertingkatkan hubungan baik dan kerjasama serta komunikasi antara majikan dan pekerja;
- f. Kadar ketidakhadiran (dengan izin Absenteeism) pekerja juga dapat dikurangkan.
- g. Pengurangan kadar (dengan izin, *Rejects and Reworks*)
- h. Mempertingkatkan motivasi pekerja dan kepuasan bekerja.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Manakala bagi faedah-faedah pelaksanaan PLWS kepada negara pula adalah seperti berikut;

- a. Pembayaran upah akan diselaraskan mengikut prestasi ekonomi dan ini akan mengurangkan impak negatif terhadap majikan dan pekerja;
- b. Menjamin kestabilan pekerjaan dan mengurangkan risiko berlakunya pembuangan pekerja sewaktu kelembapan ekonomi;
- c. Mewujudkan situasi Menang-Menang bagi kedua belah pihak (majikan dan pekerja);
- d. Memastikan hubungan industri kekal harmoni dalam menghadapi situasi ekonomi semasa (peningkatan atau kelembapan ekonomi); dan
- e. Membolehkan negara menyelaraskan dasar ekonomi sedia ada mengikut suasana ekonomi semasa.
- f. Menyumbang kepada pertumbuhan KDNK negara dan membantu merealisasikan wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Secara keseluruhannya, amalan *PLWS* akan mewujudkan situasi *Menang-Menang* diantara majikan dan pekerja di mana upah dapat ditingkatkan apabila produktiviti meningkat. Sistem ini juga dapat membangunkan dan menstabilkan ekonomi negara seterusnya dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa yang kompetitif.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Sehingga 30 Januari 2015, sebanyak **77,485** majikan telah melaksanakan sistem upah ini yang memberi manfaat kepada **3,269,046** pekerja di seluruh negara.